

**Kementerian Pengajian Tinggi Lancar Kempen Kibar Jalur Gemilang
Bernama
22 Ogos 2011**

PUTRAJAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pengajian Tinggi hari melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang di institusi pengajian tinggi sempena sambutan ulang tahun ke-54 kemerdekaan negara.

Bagi menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan, Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyerahkan Jalur Gemilang kepada wakil-wakil institusi pengajian tinggi awam.

Beliau turut memasang Jalur Gemilang pada kenderaan jabatan.

Terdahulu, nyanyian lagu kebangsaan Negaraku dan lagu-lagu patriotik serta pembacaan Rukun Negara dilakukan pada majlis yang diadakan di kementerian di sini.

Turut hadir Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Ab. Rahim Md Noor dan para pelajar Politenik Nilai dan Kolej Komuniti.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=609522>